

PERBANDINGAN KONJUGASI KATA KERJA BAHASA JERMAN, BAHASA ARAB DAN BAHASA MELAYU: SATU TINJAUAN DI UMP

Yanti Salina Shaari¹, Khairul Bahri AS², Jamilah Bebe Mohamad³, Mardhiyyah Zamani⁴, Razali JR⁵

yantis@ump.edu.my, khairulbahri@ump.edu.my, jamilahbebe@ump.edu.my,
mardhiyyah@ump.edu.my, jamalrizal@ump.edu.my

¹²³⁴⁵Jabatan Bahasa Asing, PBMSK, Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Makalah ini membincangkan hasil perbandingan bentuk konjugasi kata kerja (KK) antara bahasa Jerman (BJ), bahasa Arab (BA) dengan bahasa Melayu (BM) yang dibina oleh pelajar UMP. Menurut Tatabahasa Dewan(2008) penggunaan KK yang tepat memainkan peranan utama kerana KK berfungsi sebagai predikat iaitu sebagai unsur yang menerangkan atau memperihalkan KN dalam sesuatu ayat. KK mempunyai ciri morfologi atau unsur makna sama ada perbuatan, keadaan atau proses (Kamus Linguistik, 1982). Secara lebih khusus, data dalam kajian ini melibatkan penggunaan konjugasi sistem kala kini atau *Präsens* BJ dan *الفعل المضارع (Fi'il Mudhari')* BA yang diambil daripada jawapan para pelajar yang mengambil kursus BA dan BJ. Berdasarkan tema “Memperkenalkan Diri”, terdapat 10 kata kerja berbentuk *Präsens* dalam BJ dan *الفعل المضارع (Fi'il Mudhari')* dalam BA. Data ini dianalisis secara deskriptif melalui pendekatan kontrastif dengan BM berasaskan Tatabahasa Dewan. Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dan kepelbagaian bentuk konjugasi KK yang dibina oleh para pelajar. Dalam hal ini, pengkaji mendapati para pelajar ini sering keliru ketika mengkonjugasikan KK dalam bahasa Asing (BAs) kerana terdapat pengaruh bahasa pertama (B1) dalam struktur konjugasi yang dibina. Hal ini dapat dikaitkan dengan faktor dalaman dan luaran bahasa iaitu pengaruh tatabahasa B1 yang kuat dan juga tahap penguasaan tatabahasa BAs yang masih lemah atau belum memadai.

Kata kunci: analisis kontrastif, konjugasi, *Präsens*, *الفعل المضارع (Fi'il Mudhari')*, kata kerja.

PENDAHULUAN

Dalam bidang linguistik, kajian perbandingan atau lebih dikenali sebagai analisis kontrastif bertujuan membandingkan dua bahasa yang berbeza, yakni antara bahasa pertama (B1) seseorang individu yang sudah diperolehi dengan bahasa yang dipelajari kemudiannya sama ada sebagai bahasa kedua (B2) atau bahasa Asing (BAs) (Lado, 1957; Noriah Mohamed & Radiah Yusoff, 2014). Analisis kontrastif ini telah bermula sekitar tahun 1950-an dengan matlamat awalnya menjadi asas panduan guru bahasa menyelesaikan masalah yang mereka alami. Lado (1957) menegaskan bahawa semakin banyak persamaan ciri bahasa antara B1 dengan B2, maka lebih mudah bagi seseorang individu untuk mempelajari B2 tersebut. Sebaliknya, jika banyak perbezaan ciri bahasa antara B1 dengan B2, maka lebih sukar proses pembelajaran B2 bagi individu terbabit.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara etimologi morfologi berasal dari kata *morf* yang bererti 'bentuk' dan kata *logi* yang bermakna 'ilmu'. Tatabahasa Dewan (2008) menakrifkan morfologi sebagai bidang tatabahasa yang mengkaji morfem dan pembentukan perkataan dalam suatu bahasa. Salah satu cabang morfologi adalah morfem infleksi. Di dalam *A Dictionary of Linguistics and Phonetics* (2008, hal. 243) menjelaskan infleksi sebagai imbuhan yang mengisyaratkan hubungan tatabahasa seperti penanda bilangan, kala, kasus, genus dan sebagainya untuk menentukan atau melahirkan sesuatu makna nahu. Proses morfologi infleksi dalam bahasa-bahasa dunia dapat dikesan dalam konjugasi dan deklinasi (Verhaar dalam [Herlina, 2015](#)). Konjugasi adalah perubahan bentuk kata yang disebabkan oleh perubahan Kata Ganti Nama Diri (GND), bilangan dan kala. Manakala proses deklinasi pula ialah perubahan pada bentuk kata nama dan adjektif. Namun begitu gejala ini tidak wujud dalam Bahasa Melayu (BM) dan kebanyakan bahasa Austronesia yang lain.

Selaras dengan piawaian kerangka *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*, kursus elektif bahasa Jerman (BJ) dan bahasa Arab (BA) yang ditawarkan oleh Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerapkan kemahiran menulis sebagai salah satu kaedah penilaian ujian. Menurut [Sánchez dalam Azlina & Maserah \(2015\)](#), kemahiran menulis adalah alat yang penting kerana ia bertujuan memperoleh maklumat dan kemahiran yang baharu. Oleh yang demikian, fokus kajian ini memerihalkan penggunaan bentuk konjugasi bagi jenis kata kerja (KK) dalam kala kini bahasa Jerman (BJ) dan bahasa Arab (BA) dalam teks karangan pelajar.

Kata Kerja Bahasa Jerman

Dalam bahasa Jerman, setiap bentuk KK infinitif (*infinitiv verb*) selalu berakhir dengan *-en* atau *-n*. Contoh KK *wohnen* 'tinggal', *essen* 'makan' dan *sprechen* 'bercakap'. Setiap bentuk KK infinitif ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu 1) *Stamm* atau akar KK dan 2)akhiran. Proses konjugasi BJ bermula dengan dua langkah diatas, bersesuaian dengan GND, bilangan dan kala.

a) Kata Kerja Nalar (*regelmäßige Verben*)

Kata Kerja Nalar (KKN) juga kenali sebagai kata kerja lemah (*schwache Verben*). Bentuk konjugasi KKN tidak mengalami perubahan *Stamm*. Sebaliknya akhiran *-e*, *-st*, *-t* atau *-en* akan digunakan bersesuaian dengan Ganti Nama Diri (GND) tunggal atau jamak. Misalannya, *wohnen*, *studieren* dan *machen* adalah sebahagian contoh KKN. Bentuk konjugasi KKN adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1. Bentuk Konjugasi Kata Kerja Nalar (KKN) bagi *wohnen*, *studieren* dan *machen*.

	Ganti Nama Diri (GND)	<i>wohnen</i>		<i>studieren</i>		<i>machen</i>	
		<i>Stamm</i>	<i>Endung</i>	<i>Stamm</i>	<i>Endung</i>	<i>Stamm</i>	<i>Endung</i>
Tunggal	1. <i>ich</i>	<i>wohn</i>	+ <i>e</i>	<i>studier</i>	+ <i>e</i>	<i>mach</i>	+ <i>e</i>
	2. <i>du</i>	<i>wohn</i>	+ <i>st</i>	<i>studier</i>	+ <i>st</i>	<i>mach</i>	+ <i>st</i>
	3. <i>er/ sie /es</i>	<i>wohn</i>	+ <i>t</i>	<i>studier</i>	+ <i>t</i>	<i>mach</i>	+ <i>t</i>
Jamak	1. <i>wir</i>	<i>wohn</i>	+ <i>en</i>	<i>studier</i>	+ <i>en</i>	<i>mach</i>	+ <i>en</i>
	2. <i>ihr</i>	<i>wohn</i>	+ <i>t</i>	<i>studier</i>	+ <i>t</i>	<i>mach</i>	+ <i>t</i>
	1. <i>sie / Sie</i>	<i>wohn</i>	+ <i>en</i>	<i>studier</i>	+ <i>en</i>	<i>mach</i>	+ <i>en</i>

Namun terdapat beberapa KK yang mengalami sedikit perbezaan yakni akar KK yang berakhiran *-d*, *-t*, *-n* dan *-m* perlu ditambah apitan *+e* antara *Stamm* dan *Endung* bagi GND orang ke-2 (tunggal) dan orang ke-3 (tunggal) sahaja. Contohnya, *arbeiten* ‘bekerja’, menjadi *du arbeitest* ‘kamu bekerja’ atau *er/sie arbeitet* ‘dia bekerja’. Begitu juga dengan *Stamm* yang berakhir dengan *-s*, *-ß*, *-x* dan *-z*, bentuk akhiran atau *Endung* KK bagi GND tunggal ke-2 hanya menggunakan *-t*.

Wie heißt du? Siapa nama kamu?
Tanzt du gern? Kamu suka menari?

b) Kata Kerja Tak Nalar (*unregelmäßige Verben*)

Kata Kerja Tak Nalar (KKTN) dikenali juga dengan kata kerja kuat (*starke Verben*). Proses konjugasi KKTN dapat dikenal pasti pada perubahan vokal yang berlaku dalam bentuk *Stamm* GND orang ke-2 (tunggal) dan orang ke-3 (tunggal) sahaja. Sementara bentuk bagi GND yang lain masih kekal dengan konjugasi kata kerja lemah atau KKN.

Jadual 2 Bentuk Konjugasi Konjugasi Kata Kerja Tak Nalar (kala kini)

	Ganti Nama Diri (GND)	<i>Stamm (berubah vokal*) + Endung</i>		
		a kepada ä	e kepada i	e kepada ie
Tunggal	1. <i>ich</i>	<i>fahre</i>	<i>spreche</i>	<i>lesen</i>
	2. <i>du*</i>	<i>fährst</i>	<i>sprichst</i>	<i>liest</i>
	3. <i>er/ sie /es*</i>	<i>fährt</i>	<i>spricht</i>	<i>liest</i>

Jamak	1. <i>wir</i>	<i>fahren</i>	<i>sprechen</i>	<i>lesen</i>
	2. <i>ihr</i>	<i>fahrt</i>	<i>sprecht</i>	<i>lest</i>
	3. <i>sie / Sie</i>	<i>fahren</i>	<i>sprechen</i>	<i>lesen</i>

Kata Kerja Bahasa Arab

Kata Kerja dalam Bahasa Arab terdapat dalam 3 bentuk iaitu *Fi'il Madhi (KK Perfect)* iaitu perbuatan yang telah berlaku, *Fi'il Mudhari' (KK Imperfect)* iaitu perbuatan yang sedang dilakukan, dan *Fi'il Amr (KK Imperative)* atau perbuatan dalam bentuk arahan. Menurut Ad-dahdah dalam Nurainun & Khairina (2014), penggolongan kata dalam Bahasa Arab ditentukan oleh fungsi di dalam perkataan serta pola yang ada dalam Bahasa Arab. Pola di sini menunjukkan setiap KK mempunyai ciri-ciri tersendiri. Dalam morfem infleksi, proses morfologi yang berlaku disebabkan adanya hubungan sintaksis yang bersifat inflektif, di mana ia meliputi hubungan gramatikal berkenaan dengan kategori GND, jumlah, gender, dan kala. Ini merupakan bentuk penyesuaian KK dengan subjeknya. ((Nurainun & Khairina, 2014, hal. 5). Ini yang menyebabkan setiap KK berdasarkan konjugasinya terdapat dalam 14 pola yang berbeza mengikut makna dan fungsi masing-masing.

Jadual 3. Bentuk konjugasi *Fi'il Mudhari' (KK Imperfekt)*

Jama' (jamak)	جمع	Muthanna (dua orang)	مثنى	Mufrad (tunggal)	مفرد	
<i>yaktubuuna</i>	يكتبون	<i>yaktubani</i>	يكتبان	<i>yaktubu</i>	يكتب	GND 3 (L)
<i>yaktubna</i>	يكتبن	<i>taktubani</i>	تكتبان	<i>taktubu</i>	تكتب	GND 3 (P)
<i>taktubuna</i>	تكتبون	<i>taktubani</i>	تكتبان	<i>taktubu</i>	تكتب	GND 2 (L)
<i>taktubna</i>	تكتبن	<i>taktubani</i>	تكتبان	<i>taktubina</i>	تكتبن	GND 2 (P)
<i>naktubu</i>	نكتب			<i>aktubu</i>	أكتب	GND 1

Jadual menunjukkan konjugasi yang berlaku pada *الفعل الماضي Fi'il Mudhari' (KK Imperfekt)* atau yang sedang berlaku. Didapati kata kerja akan berubah bergantung kepada subjek atau pelaku perbuatan atau KK tersebut dari sudut bilangan samada seorang, dua orang atau ramai. Begitu juga dari sudut gender samada lelaki atau perempuan dan dari sudut Kata Ganti Diri (GND) samada pertama, kedua atau ketiga. GND Ketiga di dalam jadual diwakili oleh warna biru, GND kedua diwakili oleh warna merah dan GND pertama diwakili oleh warna hijau. Konjugasi yang sama seperti dalam jadual turut berlaku pada *الفعل الماضي Fi'il Madhi (KK Perfect)* atau KK yang telah berlaku dan *الفعل الأمر Fi'il Amr* atau *KK Imperative* atau *KK arahan*.

Jadual 4. Perbandingan Pembentukan Kata Kerja: BJ – BA – BM

	Bahasa Jerman (BJ)	Bahasa Arab (BA)	Bahasa Melayu (BM)
(1) Bilangan	<i>Der Junge <u>lernt</u>. Die Jungen <u>lernen</u>.</i>	الولد يتعلم الأولاد يتعلمون	Budak lelaki itu <u>belajar</u> . Budak-budak lelaki itu <u>belajar</u> .
(2) Kata Ganti Nama Diri (GND)	<i>ich <u>lerne</u>, du <u>lernst</u></i>	أنا أتعلم أنت تتعلم	Saya <u>belajar</u> , Kamu <u>belajar</u>
(3) Kala	<i>ich <u>lerne</u> - ich <u>habe gelernt</u></i>	أتعلم، تتعلم	saya <u>belajar</u> , saya <u>sudah belajar</u>

Secara rumusannya, perbandingan bentuk kata kerja dalam kala kini bagi BJ, BA dan BM adalah seperti di jadual 1. BJ dan BA mengalami perubahan bentuk kata melalui proses konjugasi dan tidak sebaliknya bagi BM. Tiada perubahan KK dikesan apabila penanda bilangan, GND dan kala berubah. Bagi pelajar yang pertama kali mempelajari bahasa asing khususnya BJ dan BA, perbezaan antara B1 dan B2 ini memang dijangka akan mengganggu proses pembelajaran B2 mereka. Sepatutnya pelajar sedar akan perbezaan ini dan lebih berwaspada ketika menulis konjugasi dalam BJ atau BA. Kesukaran inilah yang menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Satu kajian yang dilakukan oleh (Pelishenko, 2009) telah mengaplikasikan kaedah analisis kontrastif secara kepustakaan. Kajian mendapati bahawa perbezaan *nominal* yang ketara antara bahasa Jerman dan bahasa Ukrain mempunyai kaitan yang signifikan dengan kategori *gender*, bilangan dan kasus. Menurut kajian oleh Ulfa (2008) yang dianalisis dari 35 responden, mendapati bahawa kesalahan konjugasi kata kerja pada kata hubung *aber* BJ menjadi penyebab utama kesalahan dalam susunan ayat *Haupt-* dan *Nebensatz* dalam kalangan pelajar di Indonesia kerana pola ayat yang berbeza dengan bahasa Indonesia.

Di Malaysia juga terdapat ramai pengkaji lepas yang membincangkan kajian mengenai permasalahan terhadap pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah, Kang, Syahrina & Jamal (2017), Mohammad Baihaqi & Farah (2017), Mariyati et al (2015), Zainur & Mahmoud (2014), Mohamed Ramdhan (2014), Roshidah (2010) dan Baharuddin Shahman (2012). Permasalahan yang timbul dalam mempelajari bahasa asing adalah para pelajar sering kali

memindahkan elemen-elemen B1 mereka dalam proses penguasaan B2. Misalannya kajian analisis kontrastif dalam sistem fonetik antara bahasa Jepun, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis yang telah dikemukakan oleh Kang, Syahrina & Jamal (2017) dan (Roshidah Hassan, 2010) mendapati bahawa pelajar perlu peka dan sedar akan perbezaan dan persamaan bunyi bahasa yang dikaji dan tidak membiarkan pengaruh B1 mengganggu proses pembelajaran B2 mereka.

Kajian Mohamed Ramdhan (2014) mendapati pembelajaran mengenai bidang semantik iaitu kesilapan penggunaan perkataan sinonim bahasa Thai oleh pelajar Universiti Putra Malaysia merupakan masalah yang ketara dalam pembelajaran bahasa Thai. Ini adalah kerana makna yang didukung dalam bahasa Thai jauh lebih sukar daripada yang terkandung dalam B1 pelajar. Begitu juga dengan kajian perbezaan di antara kata kerja berimbuhan dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Zainur & Mahmoud (2014) mendapati bahawa terdapat perbezaan makna dalam terjemahan sesuatu pola ke dalam bahasa Melayu. Sesetengah imbuhan bahasa Arab memerlukan kepada perkataan lain bagi menyampaikan maksud yang dikehendaki dan tidak memadai dengan satu kata kerja bahasa Melayu sahaja. Hal ini turut dinyatakan oleh Mohammad Baihaqi & Farah (2017) yang melibatkan sejumlah 30 responden mendapati kegagalan pelajar dalam mengaplikasikan peraturan dan kaedah penggunaan kata *gender* bahasa Arab akan menyebabkan maksud ayat tersebut akan mengalami perubahan makna.

Manakala Mariyati et al (2015) dalam kajiannya mengesan terdapat persamaan dan perbezaan bentuk kata adjektif antara Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol Analisis Kontrastif. Baharuddin Shahman (2012) telah menggunakan pendekatan kontrastif dimulai dengan huraian berkaitan dengan pengenalan subjek dan predikat di antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu dan dikembangkan kepada struktur asas pembinaan ayat kedua-dua bahasa ini. Seterusnya beliau membincangkan persamaan dan perbezaan struktur asas pembinaan ayat di antara kedua-dua bahasa ini. Justeru, unsur yang berbeza dengan B1 akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran B2. Sebaliknya, pelajar akan menerima dengan mudah unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka (Brown dalam Ong, 2014). Menyedari hakikat ini, timbul minat pengkaji untuk mengkaji masalah pembentukan konjugasi KK BJ dan BA dalam karangan pelajar di UMP.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti bentuk konjugasi kata kerja BJ, BA dalam karangan pelajar berbanding BM.
2. Menganalisa jenis kesalahan bentuk konjugasi kata kerja BJ, BA dalam karangan pelajar.
3. Mengklasifikasi kekerapan kesalahan bentuk konjugasi kata kerja BJ dan BA dalam karangan pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah bentuk penggunaan konjugasi KK BJ?
2. Bagaimanakah bentuk penggunaan konjugasi KK BA?
3. Bagaimanakah bentuk penggunaan konjugasi KK BM?
4. Apakah jenis bentuk penggunaan konjugasi KK BJ dalam karangan pelajar?
5. Apakah jenis bentuk penggunaan konjugasi KK BA dalam karangan pelajar?
6. Apakah jenis kesalahan bentuk penggunaan konjugasi KK BJ dan BA dalam karangan pelajar ?
7. Apakah jenis kesalahan bentuk penggunaan konjugasi KK BJ dan BA yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam karangan?

METODOLOGI DAN KERANGKA TEORETIS KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu pengumpulan dan analisis data-data dari teks karangan pelajar yang mempelajari BJ dan BA. Analisis kontrastif yang dikemukakan oleh Robert Lado (1957) digunakan untuk melihat persamaan dan perbezaan antara BJ dan BA dengan BM. Kajian terhadap teks karangan BJ dan BA ini bermula dengan memahami, meneliti, menganalisis dan menghuraikan data-data terkumpul. Namun analisis kontrastif tidak dapat meramal kesulitan lain selain pengaruh bahasa ibunda sahaja. Oleh itu, untuk menghuraikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam karangan BJ dan BA, pengkaji turut menjalankan analisis kesilapan (Corder, 1967).

Sampel kajian ini ialah pelajar BJ dan BA yang mengambil kursus elektif wajib *German for Beginners* dan *Arabic for Beginners* bagi semester 2 sesi 2016/2017 di PBMSK, UMP. Dalam kajian ini, sebanyak 20 teks karangan BJ dan BA bertemakan “memperkenalkan diri” atau *sich vorstellen* atau التعريف عن النفس (*At-ta’rif ‘an nafs*) telah dikutip. Secara keseluruhan, pengkaji mengutip masing-masing 10 teks karangan dari jawapan ujian pelajar BJ dan BA. Teks karangan tersebut adalah berbentuk kala kini *Präsens* (BJ) dan الفعل المضارع (*Fi’il Mudhari’*) (BA). Pengkaji akan meneliti penggunaan 10 bentuk konjugasi KK yang telah diperkenalkan oleh pensyarah masing-masing melalui teks karangan BJ dan BA terbabit. Gabungan kedua-dua analisis ini akan memberikan sumbangan yang besar kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

Jadual 5. Kerangka Teoretis Kajian



DAPATAN DAN ANALISIS

Dapatan dan analisis kajian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu analisis penggunaan konjugasi kata kerja dalam bahasa Jerman dan Bahasa Arab, perbandingan penggunaan dan kesalahan konjugasi kata kerja bahasa Jerman dengan Bahasa Melayu dan perbandingan penggunaan dan kesalahan konjugasi kata kerja bahasa Arab dengan Bahasa Melayu. Hal ini demikian agar analisis dapatan ini dapat ditampilkan dalam keadaan lebih teratur dan memudahkan pemahaman para pembaca dan pengkaji sendiri dalam melakukan proses analisis.

Analisis Penggunaan Konjugasi Kata Kerja Dalam Bahasa Jerman – Bahasa Arab – Bahasa Melayu

Berdasarkan tajuk Memperkenalkan Diri terdapat 10 konjugasi kata kerja telah dikenal pasti dalam bahasa Jerman dan Bahasa Arab. Kesemua kata kerja ini dipaparkan dalam bentuk jadual. Namun begitu dalam jadual di bawah juga dimasukkan makna kata kerja ini dalam penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu supaya para pembaca dapat melihat dan mengetahui bahawa sesuatu kata kerja dalam bahasa Jerman ataupun bahasa Arab tidak semestinya juga merupakan kata kerja di dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Berikut adalah 10 kata kerja bahasa Arab dan bahasa Jerman yang dianalisis berdasarkan karangan pelajar:

Jadual 6. Kata Kerja Yang Dianalisis

Bilangan	Bahasa Jerman	Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu		Bahasa Arab
1	<i>heißen</i>	<i>to be called</i>	panggilan (nama)	يسمى
2	<i>sein</i>	<i>to be</i>	ialah / adalah	يكون
3	<i>wohnen</i>	<i>to stay</i>	tinggal	يسكن
4	<i>haben</i>	<i>to have</i>	ada	عندي
5	<i>kommen (aus)</i>	<i>to come (from)</i>	datang (berasal dari)	من / يأتي من
6	<i>sprechen</i>	<i>to speak</i>	bercakap	يتكلم
7	<i>studieren</i>	<i>to study</i>	belajar	يعمل
8	<i>machen</i>	<i>to do</i>	membuat (suka)	يأكل
9	<i>essen</i>	<i>to eat</i>	makan	يشرب
10	<i>trinken</i>	<i>to drink</i>	minum	

Pengkaji mendapati bahawa KK yang dikenal pasti bagi kajian ini membawa makna yang berbeza mengikut sistem tatabahasa masing-masing. Mengikut Tatabahasa Dewan (2008), kata kerja bahasa Melayu boleh dibentuk dalam 4 kategori iaitu Kata Kerja Tunggal, Kata Kerja Terbitan, Kata Kerja Majmuk dan Kata Kerja Ganda. BM tidak mengalami proses infleksi atau konjugasi seperti BJ dan BA. Berdasarkan jadual 5, KK *wohnen*, *haben*, *essen*, *trinken*, merupakan kata kerja tunggal dalam tatabahasa BM kerana kata yang terbentuk adalah tanpa imbuhan. Manakala perkataan *sprechen* dan *studieren* pula, adalah kata kerja terbitan yang terhasil daripada proses pengimbuhan awalan ‘ber-cakap’ dan ‘bel-ajar’. Walaupun *kommen* bererti ‘datang’, namun mengikut konteks dalam tema yang dibincangkan, *kommen (aus)* bermaksud ‘berasal dari’. Sama seperti *heißen* dan *machen*. Contoh dalam ayat, *Ich heiße Hawa* bererti ‘Nama saya Hawa’ dan *Ich mache gern Sport* pula bermakna ‘Saya suka bermain sukan’.

Mengikut BA pula, daripada 10 perkataan yang disenaraikan dalam jadual, lapan perkataan tersebut wujud sebagai kata kerja, manakala perkataan ‘ada’ atau *عندي* merupakan kata nama,

manakala perkataan ‘datang’ atau ‘berasal dari’, boleh diterjemahkan sebagai من yang merupakan kata hubung atau partikel sendi atau يأتي من yang merupakan kata kerja bersama kata hubung.

Perbandingan Penggunaan dan Analisis Kesalahan Konjugasi Kata Kerja Dalam Bahasa Jerman dengan Bahasa Melayu.

Daripada kajian dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti kesalahan dalam BJ yang dilakukan oleh responden seperti jadual 7. Berdasarkan data analisis dalam Jadual 7, jenis kesalahan diklasifikasi dalam tiga kategori utama iaitu morfologi, leksikal dan ortografi. Tiap-tiap klasifikasi di atas dibahagi dalam subklasifikasi kesalahan. Subklasifikasi morfologi terdiri daripada kesalahan-kesalahan konjugasi KKN, konjugasi KKTN, gabungan kata (*Zusammensetzung*), terbitan (*Ableitung*), deklinasi kata benda (*Artikel*), deklinasi kata ganti diri (*Pronomen*) dan deklinasi kata milik (*Possessivpronomen*). Jenis kesalahan pemisahan kata (*split*), pemilihan kata (*selection*) dan penambahan kata (*addition*) pula adalah subklasifikasi bagi leksikal. Manakala kategori ortografi pula melihat dari segi kesalahan huruf iaitu penghilangan (*omission*), penambahan (*addition*) dan huruf besar atau *capital letter*. Walaubagaimanapun, pengkaji hanya menghuraikan kesalahan dari sudut kesalahan KK sahaja.

Kesalahan konjugasi KKN dalam Bahasa Jerman

7 kesalahan dikesan di bawah kesalahan konjugasi KKN dengan kekerapan tertinggi pada KKN heißen dengan 3 kesalahan. Salah satu contoh dalam ayat:

1 a) R1. **Er heißt Aniq und Afnan und Amin.*

1 b) *Sie heißen Aniq, Afnan und Amin.* Mereka ialah Aniq, Afnan dan Amin.

Ayat 1 a) adalah teks karangan responden 1 (R1). Manakala ayat 1 b) adalah ayat yang sebenar dalam BJ. Pelajar menggunakan subjek dan konjugasi yang salah iaitu orang ke-3 tunggal dengan ganti diri *er* akhiran *-t*, sedangkan ayat sebenar merujuk nama-nama dalam bentuk jamak orang ke-3 berakhir dengan *-en*. Pengkaji juga mendapati R1 menambah perkataan *und* yang sepatutnya digantikan dengan tanda baca koma (,).

2 a) R7. **Ich kommen aus Kuala Lumpur.*

2 b) *Ich komme aus Kuala Lumpur.* Saya berasal dari Kuala Lumpur.

Dalam ayat 2 a) R7 telah menambah akhiran *-en* bagi *komm-* (*Stamm*) orang pertama tunggal. Hakikatnya, konjugasi yang betul adalah akhiran *-e* seperti dalam ayat 2 b).

3 a) R9. **Ich studier an der UMP.*

3 b) *Ich studiere an der UMP.* Saya belajar di UMP.

Jadual 7: Penggunaan Konjugasi Kata Kerja dan Jenis-jenis Kesalahan Yang Di Temui Dalam Karangan Bahasa Jerman

No.	Responden	Ayat karangan BJ	Morfologi							Leksikal			Ortografi			Jumlah
			KrV	KurV	Zs	Ab	DA	DPos	DPron	Sp	Sel	Ad	Om	Ad	Hb	
1	1	Mein Muttersprache ist Deutsch .									1					1
2	1	Ich habe drei Bruder .							1							1
3	1	Er heißt Aniq und Afnan und Amin.	1						1			1				3
4	2	Meine Lieblingsessen ist Steak und Salat.		1												1
5	3	Ich spreche aus Englisch und Deutsch.									1					1
6	3	Sie heißt Haikal und Haziq und Hakimi.	1											1		2
7	4	Ich haben einen Bruder.		1												1
8	4	Ich heisse Hafiz.	1						1							2
9	5	Ich liebe trinke orangensaft.									1	1			1	3
10	6	Ich essen gern Fisch.		1										1		2
11	6	Meine Telefonnummer is 01985551315.		1									1			2
12	7	Ich kommen aus Kuala Lumpur.	1											1		2
13	7	Meine Familie is klein.		1									1			2
14	8	Ich sprehe auch Englisch und ein bisschen Deutsch.		1									1			2
15	9	Ich Bin ein und zwanzig Jahre alt.								1					1	2
16	9	Ich studier an der UMP.	1										1			2
17	10	Sie ist dreizehn Jahre alt und wohnt in Gambang.	1													1
18	10	In der Freizeit machst ich gern fussball spielen.	1												1	2
			7	6	0	0	0	0	3	1	3	2	4	3	3	32

KrV = Konjugasi *regelmäßige Verben*
 KurV = Konjugasi *unregelmäßige Verben*
 Ab = *Ableitung / Terbitan*
 Zs = *Zusammensetzung*
 DA = *Deklinasi Artikel*

DPos = *Deklinasi Possessivpronomen*
 DPron = *Deklinasi Pronomen*
 Om = *Ommision / Penghilangan*
 Ad = *Addition / Penambahan*
 Hb = *Huruf besar*

Sel = *Selection*
 Sp = *Split*

R9 telah melakukan kesalahan dengan penghilangan akhiran *-e* dalam ayat 3 a). Akhiran konjugasi bagi orang pertama tunggal dalam BJ senantiasa menggunakan *-e* selepas akar KK (rujuk ayat 3 b)).

4 a) R10. * *Sie ist dreizehn Jahre alt und wohnst in Gambang.*

4 b) *Sie ist dreizehn Jahre alt und wohnt in Gambang.*

Dia berumur 13 tahun dan tinggal di Gambang.

Bagi ayat 4 a) pelajar menulis ayat gabung dengan konjugasi *wohnst* orang ke-2 tunggal. Konjugasi yang betul ialah *wohn +t* bagi orang ke-3 tunggal seperti dalam contoh ayat 4 b).

5 a) R10. * *In der Freizeit machst ich gern fussball spielen.*

5 b) *In der Freizeit mache ich gern Fussball spielen.*

Pada masa lapang saya suka bermain bola sepak.

Dalam ayat 5 a) terdapat 2 jenis kesalahan dikesan. R10 menggunakan akhiran *-st* bagi orang ke-2 tunggal, sedangkan jawapan yang betul adalah *mach +e*. Objek *fussball* 'bola sepak' perlu dimulai dengan huruf besar *Fussball* (rujuk ayat 5b)).

Kesalahan konjugasi KKTN dalam Bahasa Jerman

6 a) R2. * *Meine Lieblingsessen ist Steak und Salat.*

6 b) *Meine Lieblingsessen sind Steak und Salat.*

Makanan kegemaran saya ialah stik dan salad.

Dalam ayat 6 a) R2 telah memilih konjugasi yang salah iaitu *ist* bagi orang ke-3 tunggal. Hakikatnya, pemilihan konjugasi yang betul bagi jamak adalah *sind* seperti dalam ayat 2 b).

7 a) R4. * *Ich haben einen Bruder.*

7b) *Ich habe einen Bruder.*

Saya ada seorang abang.

R4 telah menggunakan bentuk konjugasi orang pertama jamak iaitu *haben* (ayat 7 a)). Ayat 7 b) menyatakan konjugasi *habe* adalah jawapan yang tetap bersesuaian dengan subjek orang pertama tunggal.

8 a) R5. * *Ich liebe trinke orangensaft.*

8 b) *Ich liebe Orangensaft. / Ich trinke gern Orangensaft.*

Saya suka jus oren. / Saya suka minum jus oren.

Ayat 8 a) jelas menunjukkan R8 terpengaruh dengan pengetahuan bahasa pertamanya yakni bahasa Melayu dalam penulisan karangan BJ. Perkataan *liebe* dan *trinke* adalah KK. Dalam pola ayat BJ,

KK sentiasa berada di posisi kedua selepas subjek. Dalam ayat ini R8 telah berlebihan menggunakan KK disamping kesalahan ortografi bagi *orangensaft*. Jawapan yang betul adalah seperti dalam ayat 8 b).

9 a) R6. *Ich essen gern Fisch.

9 b) Ich esse gern Fisch..

Saya suka makan ikan.

Kesalahan pada ayat 9 a) sama seperti yang telah dinyatakan dalam ayat 7a). Jawapan konjugasi perlu dibaiki seperti pada ayat 9 b).

10 a) R8. *Ich sprehe auch Englisch und ein bisschen Deutsch.

10 b) Ich spreche auch Englisch und ein bisschen Deutsch.

Saya juga boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan sedikit bahasa Jerman.

Pengkaji mendapati dalam ayat 10 a) R8 telah tersilap menulis akar KK bagi *sprechen* 'bercakap'. Seperti pada ayat 10 b) konjugasi yang betul ialah *sprech +e*.

Jadual 8: Penggunaan Konjugasi Kata Kerja dan Jenis-jenis Kesalahan Yang Di Temui Dalam Karangan Bahasa Arab

No.	Respon den	Ayat karangan BA	Morfol ogi	Sintaksis			Leksikal / Semantik		Ortografi			Juml ah	
			KK Kon	KG DB	K G	K H	KNK A	SP	KNT	O m	A d		S el
1	1	عمري ثلاثة وعشرون (سنة)									1	1	
2	1	اسكونو في سكوداي، خوؤور									2	2	
3	1	هوايتي قراءت الكتب										1	1
4	2	هوايتي في وقت الفراغ يلعب كرة القدم والبولينج	1					1					2
5	3	أنا أحب قراءة الكتاب ويلعب كرة القدم	1					1					2
6	3	أمي يعمل معلمة في مدرسة فولاي جوندوغ	1			1							2
7	4	الألوان المفضل عندي أزرق			1								1
8	4	أنا تتكلم باللغة العربية	1			1							2
9	5	أمسك في صورة أسرتي				1							1
10	6	أنا يريد أن يكون المعلمة في المستقبل	2				1						3
11	6	أنا يحب تصفح الانترنت	1				1						2
12	7	أنا أحب اللون الأسود لأنها تبدو جميلة					1						1
13	8	أنا بدرول زامان والعمرو اثنائي وعشر سنة					1			1	2		4
14	8	أنا طالب من كلية التكنولوجيا الهندسة					1						1
15	8	أنا من هوايتي في وقت الفراغ يستمع إلى الموسيقى	1			1		1					3
16	9	عمري ثلاثة وعشرون سنة										1	1
17	9	أمني في المستقبل يرجو أن يكون المهندسة	2										3
18	9	أنا يحب الرياضة لأنه الجسم السليم	1	1			1						3
19	10	أنا درس في كلية إدارة التكنولوجيا	1										1
20	10	أنا عطشان، أريد أن أشرب الشاي الأخضر. أنا مهتم في هذا المشروب						1					1
			12	1	1	4	3	6	3	1	4	3	37

KK K = Kata Kerja Konjugasi

KGDB = Kata Ganti Diri Berhubung

KG = Kata Ganda

KH = Kata Hubung / Partikel Sendi

SP = Susunan Perkataan

KNT = Kata Nama Terbitan

Om = Ommision / Penghilangan

Ad = Addition / Penambahan

KNKA = Kata Nama Khas dan Am

Sel = Selection

Perbandingan Penggunaan dan Analisis Kesalahan Konjugasi Kata Kerja Dalam Bahasa Arab dengan Bahasa Melayu.

Berdasarkan data analisis dalam Jadual 8, jenis kesalahan diklasifikasi dalam empat kategori utama iaitu morfologi, sintaksis, semantik dan ortografi. Walaubagaimanapun, fokus huraian dan analisis pengkaji hanya dari sudut kesalahan KK sahaja.

Kesalahan konjugasi dalam Bahasa Arab:

- 1 a) هو ايتي في وقت الفراغ يلعب كرة القدم والبولينج (Hiwayati fi waqtil firaghi yal'abu kurratal qadami wal boling)
- 1 b) هو ايتي في وقت الفراغ لعب كرة القدم والبولينج (Hiwayati fi waqtil firaghi la 'bu kurratal qadami wal boling)

Maksud: Hobi saya pada masa lapang ialah bermain bola sepak dan boling.

Kesalahan yang berlaku pada ayat 1 a), ialah pelajar menggunakan kata kerja *imperfekt* (fi'il mudhari') untuk dia bagi seorang lelaki (هو), sedangkan subjek bagi ayat tersebut ialah saya (أنا), untuk kata ganti diri pertama. Kata kerja tersebut juga sepatutnya digantikan dengan Kata Nama Terbitan الاسم المصدر (*masdar*) iaitu لَعِبَ (*la'bu*) yang lebih sesuai dengan konteks ayat.

- 2 a) أنا أحب قراءة الكتاب ويلعب كرة القدم (Ana uhibbu qiraatul kitab wa yal'abu kurratal qadami)
- 2 b) أنا أحب قراءة الكتاب ولعب كرة القدم (Ana uhibbu qiraatul kitab wa la'bu kurratal qadami)

Maksud: Saya suka membaca buku dan bermain bola sepak.

Kesalahan yang berlaku dalam contoh 2 a) di atas sama seperti contoh sebelumnya, pelajar menggunakan KK Konjugasi bagi kata ganti diri ketiga pada ayat yang merujuk kata ganti diri pertama, saya (أنا). KK tersebut sepatutnya digantikan dengan Kata Nama Terbitan (KNT) atau (الاسم المصدر). Pelajar terkeliru dalam menentukan konjugasi kerana dalam kata kerja pertama suka (أحب), pelajar menggunakan kata ganti diri pertama, manakala dalam kata kerja kedua, (يلعب) pelajar menggunakan KK untuk kata ganti diri ketiga.

- 3 a) أمي يعمل معلمة في مدرسة فولاي جوندوغ (Ummi ya 'malu mu'allimatan fi Madrasah Pulai Condong)
- 3 b) أمي تعمل كمعلمة في مدرسة فولاي جوندوغ (Ummi ta'malu kamuallimatin fi Madrasah Pulai Condong)

Maksud: Ibu saya bekerja sebagai guru di Sekolah Pulai Condong.

Kesalahan konjugasi yang terdapat pada ayat tersebut ialah pelajar menggunakan Kata Kerja untuk seorang lelaki, *مذكر (mudzakkar)*, sedangkan kata kerja yang sepatutnya ialah kata kerja untuk seorang perempuan *مؤنث (muannath)* kerana subjek bagi kata kerja yang digunakan ialah ibu saya.

- 4 a) أنا **يحب** تصفح الانترنت (Ana yuhibbu tasaffuhil internet)
b) أنا **أحب** تصفح الانترنت (Ana uhibbu tasaffuhil internet)

Maksud: Saya suka melayari internet.

Pelajar keliru dalam penggunaan konjugasi untuk KK suka, konjugasi yang digunakan ialah untuk kata ganti diri ketiga bagi seorang lelaki (dia), konjugasi yang sepatutnya ialah bagi kata ganti diri pertama saya atau (أنا).

- 5 a) أنا **يحب** الرياضة لأنه الجسم (Ana yuhibbu ar-riyadhah liannahul jismus salim)
b) أنا **أحب** الرياضة لأنها تقوي الجسم (Ana uhibbu ar-riyadhah liannaha tuqawwil jism)

Maksud: Saya suka bersenam kerana ia menguatkan tubuh badan.

Kesalahan konjugasi yang berlaku dalam ayat ini sama seperti dalam contoh 5 a) di atas, di mana konjugasi bagi kata ganti diri ketiga sepatutnya diganti dengan konjugasi bagi kata ganti diri pertama. Pelajar turut keliru dengan penggunaan kata ganti diri (*hu*) yang sepatutnya diganti dengan (*ha*), kerana ia merujuk kepada ar-riyadhah atau bersenam yang merupakan perkataan *muannath* atau feminin dalam Bahasa Arab. Terdapat juga kesalahan semantik atau berkait dengan makna pada contoh yang dinyatakan.

- 6 a) أنا **من** هوايتي في وقت الفراغ **يستمع** إلى الموسيقى (Ana min hiwayati fi waqtil firaghi yastami'ul ilal musiqa)
b) هوايتي في وقت الفراغ الاستماع إلى الموسيقى (Ana min hiwayati fi waqtil firaghi al-istmai' ilal musiqa)

Maksud: Hobi saya pada masa lapang ialah mendengar muzik.

Kesalahan konjugasi yang terdapat pada ayat tersebut ialah kata kerja yang digunakan merujuk pada kata ganti diri ketiga هو (*huwa*) atau dia seorang lelaki, sedangkan konteks ayat merujuk kepada GND pertama أنا (*ana*). Konjugasi kata kerja tersebut sepatutnya digantikan dengan KNT atau الاسم المصدر.

- 7 a) أمنيتي في المستقبل **يرجو** أن **يكون** المهندسة (Umniyyati fil mustaqbali, yarju an yakun almuhandisah)
b) أمنيتي في المستقبل أرجو أن أكون مهندسة (Umniyyati fil mustaqbali, arju an akun muhandisah)

Maksud: Cita-cita saya di masa akan datang ialah menjadi seorang jurutera.


Kesalahan konjugasi yang berlaku pada ayat 7 a) ialah pada kata kerja *يرجو yarju* dan *يكون yakun* sepatutnya digantikan dengan kata kerja *arju* dan *akun*, pelajar telah menggunakan kata kerja untuk GND ketiga dan sepatutnya menggunakan KK untuk GND pertama.

- 8 a) أنا **درس** في كلية إدارة التكنولوجيا (Ana **darasa** fi Kulliyah Idaratit Teknologiya)
 8 b) أنا أدرس في كلية الإدارة التكنولوجية (Ana **adrusu** fi Kulliyah Idaratit Teknologiya)
 Maksud: Saya belajar di Fakulti Kejuruteraan Teknologi.

Pelajar menggunakan KK *darasa* yang merujuk kepada GND ketiga untuk fi'il madhi (KK *perfekt*), konjugasi yang sepatutnya ialah pelajar menggunakan KK *adrusu* yang merujuk kepada kata ganti diri pertama (ana) untuk fi'il mudhari' (KK *Imperfekt*).


PERBINCANGAN

Gambar 1. Frekuensi Kesalahan Dalam Karangan BJ



Dari Gambar 1, dapat diketahui bahawa jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang mempelajari BJ sebagai BAs di UMP adalah 32 kesalahan atau 100%. Frekuensi kesalahan tertinggi adalah kesalahan morfologi dari subklasifikasi kesalahan konjugasi KKN dengan 7 kesalahan atau 22%, diikuti dengan kesalahan konjugasi KKTN 6 kesalahan atau 19%, kesalahan penghilangan huruf (*omission*) 13%, kesalahan deklinasi kata ganti diri (*Pronomen*) 10%, kesalahan pemilihan kata (*selection*), penambahan huruf (*addition*) dan penulisan huruf besar masing-masing 9% atau 3 kesalahan. Seterusnya 2 kesalahan atau 6% kesalahan penambahan kata dalam leksikal dan terendah adalah kesalahan pemisahan kata bagi subklasifikasi leksikal dengan 1 kesalahan atau 3%. Hal ini dapat dikaitkan dengan faktor dalaman dan luaran bahasa iaitu pengaruh tatabahasa B1 yang kuat dan juga tahap penguasaan tatabahasa B2 yang masih lemah atau belum memadai. Pengkaji berpendapat bahawa kesilapan ini boleh dielakkan jika pelajar memahami dan mengingati peraturan konjugasi kata kerja yang berakhir dengan akhiran *-e* bagi orang pertama tunggal *ich*. Ini adalah kerana kata kerja yang terdapat dalam ujian tersebut sudah dipelajari di dalam kelas.

Gambar 2. Frekuensi Kesalahan Dalam Karangan BA



Gambar 2 menjelaskan kesalahan yang paling kerap dilakukan pelajar melibatkan Kata Kerja Konjugasi iaitu sebanyak 31%, diikuti kesalahan semantik iaitu kesalahan susunan perkataan sebanyak 16%. Frekuensi kesalahan yang paling rendah melibatkan Kata Ganti Diri Berhubung dan Kata Ganda.

Secara rumusannya, kekeliruan konjugasi yang paling sering berlaku ialah menggunakan bentuk konjugasi yang tidak tepat atau bersesuaian dengan GND. Dalam karangan BJ pelajar sering keliru dengan 4 bentuk imbuhan akhir yakni *-e*, *-st*, *-t* dan *-en*. Jika berdasarkan tema yang dikaji, konjugasi yang tepat bagi GND orang pertama sentiasa berakhir dengan *-e*. Sementara dalam karangan BA pula, pelajar sering menggunakan KK bagi GND orang ke -3 menggantikan KK bagi GND pertama (saya). Ini adalah kerana, KK bagi GND ketiga هو (huwa) merupakan konjugasi asal bagi Fi'il *Madhi* (KK *Perfekt*) dan Fi'il *Mudhari'* (KK *Imperfect*). Pelajar gagal menggunakan konjugasi yang sepatutnya iaitu menukarkan KK kepada subjek yang bersesuaian iaitu merujuk kepada GND pertama, saya (أنا (ana) dalam karangan pengenalan diri atau التعريف عن النفس (Atta'rif 'an nafs).

Umumnya, terdapat perbezaan dan kepelbagaian bentuk konjugasi KK antara ketiga-tiga bahasa ini. Pengkaji mendapati pelajar masih cenderung melakukan kesilapan membentuk konjugasi KK akibat faktor dalaman. Ini menyebabkan pelajar terkeliru dengan pengetahuan tatabahasa yang baharu diperolehi. Tambahan juga faktor kekangan masa menyebabkan mereka tidak dapat menguasai sistem konjugasi BJ dan BA dengan baik sehingga teks karangan ini ditulis. Pelajar tidak sepatutnya hanya menghafal dan bergantung penuh pada buku modul yang digunakan di dalam kelas, sebaliknya menelaah tatabahasa dari bahan-bahan lain seperti buku tatabahasa dan kamus. Pelajar boleh mengelakkan dari mengulangi kesalahan berulang dengan membuat latihan bertulis bagi memantapkan lagi kemahiran mereka khususnya dalam pembentukan konjugasi KK bahasa Asing yang dipelajari.

Dari sudut pengajaran pula, guru atau pensyarah digalakkan menyemak jawapan pelajar bersama-sama di dalam kelas. Bahan pengajaran perlulah sentiasa dikemaskini dan dipelbagaikan kaedah penyampaian. Antaranya tayangan video, permainan kad dan sesi berdialog. Pengajar juga boleh berkongsi tip-tip penting berkaitan pembentukan KK BJ dan BA.

Bagi penyelidik akan datang, diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan yang bermanfaat. Mereka boleh mengembangkan skop kajian ke aspek-aspek linguistik yang lain, bidang perkamusan mahupun mengkaji konjugasi BJ dan BA dalam bentuk tulisan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengkaji memandang serius terhadap kelemahan penguasaan pelajar dalam mengenal dan menentukan konjugasi dalam BJ dan BA. Perbincangan dan analisis yang dibuat membuktikan bahawa analisis kontrastif dan analisis kesilapan merupakan dua pendekatan yang unik. Kaedah ini boleh dijadikan garis panduan bagi meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran BJ dan BA sebagai bahasa asing di Malaysia.

RUJUKAN

- Azlina Mohd Sera'ai, & Maserah Shabudin. (2015). Ciri Aliran Tematik Karangan Ekpositori Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2), 41–56.
- Baharuddin Shahman. (2012). *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab Dan Melayu. Tesis Sarjana*. Universiti Malaya. Diambil dari <http://studentsrepo.um.edu.my/3926/>
- Corder, S. P. (1967). The Significance Of Learner's Errors. *International Review of Applied Linguistics*, V(4), 161–190. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1515/iral.1967.5.1-4.161>
- Crystal, D. (2008). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics* (6 ed.). Blackwell Publishing.
- Harimurti Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Herlina Velentini Liman. (2015). *Analisis Kesalahan Karangan Bahasa Jerman Peserta Didik Kelas XII SMA N 2 Klaten. Skripsi*. Yogyakarta: Universitas Negeri Yogyakarta.
- Kang, M. F., Syahrina Ahmad, & Jamal Rizal Razali. (2017). Analisis Kontrastif Daripada Aspek Fonologi Antara Bahasa Jepun Dan Bahasa Mandarin Dalam Sebutan Nombor. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 1–11.
- Lado, R. (1957). *Linguistics Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Mariyati Haji Mohd Nor, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Salina Husain, & Norizan Che Su. (2015). Analisis Kontrastif Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol. *EDUCATUM - Journal of Social Science*, 1, 1–13.
- Mohamed Ramdhan Mohamed Razak, Norizan Che Su, & Nik Farhan Mustapha. (2014). Analisis Kesilapan Penggunaan Perkataan Sinonim Bahasa Thai dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 25–34. Diambil dari www.plm.org.my
- Mohammad Baihaqi Hasni, & Farah Hanan Aminallah. (2017). Analisis Kontrastif Dalam Penggunaan Gender (تثؤملاو ركذملا) Antara Bahasa Arab Dan Melayu Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di Universiti Malaysia Pahang. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 100–109.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan* (3 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed, & Radiah Yusoff (Ed.). (2014). *Pendekatan Kontrastif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ong, S. N. (2014). Analisis Kontrastif Dan Analisis Kesilapan Kata Sendi Nama Dalam Bahasa Bahasa Melayu Dan Bahasa Jepun. In *The 11th International Conference on Japanese Language Education in Malaysia* (hal. 24–37).
- Pelishenko, O. (2009). *A Contrastive Analysis of Ukrainian German Nominal Morphology. Tesis Sarjana*. University of Georgia.
- Roshidah Hassan. (2010). *Sistem Fonetik Dan Fonologi Bahasa Melayu Dan Bahasa Perancis : Satu Analisis Kontrastif Dan Analisis Kesilapan. Tesis Doktor Falsafah*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Ulfa Yusti Yuniar. (2008). *Analisis Kesalahan Konjugasi Kata Kerja Pada Anak Kalimat Dalam Bahasa Jerman. Skripsi*. Universitas Pendidikan Indonesia.
- Zainur Rijal Abdul Razak, & Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 18((1) Jun), 35–47. Diambil dari www.plm.org.my